

12/05/2003

Umno tidak alpa kunci kekuatan parti

KUALA LUMPUR: Kunci utama kepada kekuatan Umno sepanjang 57 tahun usianya setakat ini adalah parti itu tidak pernah alpa dan longlai untuk terus memperjuangkan nasib rakyat serta membangunkan bangsa, kata Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dalam usia seperti itu, kata beliau, kebanyakan parti di dunia ada yang telah lesu dan ada yang lenyap dalam lipatan sejarah, tetapi Umno tetap mantap dan bertenaga.

"Umno akan terus berusaha keras menguatkan jentera akar umbi parti dengan konsisten dan berusaha menjadi sebuah organisasi yang disegani, dihormati dan gagah," katanya ketika berucap pada sambutan ulang tahun ke-

57 Umno di Stadium Merdeka, malam tadi.

Hadir sama ialah Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Beliau berkata, Umno sejak penubuhannya juga dianggap satu parti yang amat unik kerana biar pun ia adalah parti orang Melayu tetapi perjuangannya sentiasa mencerminkan perjuangan untuk semua kaum.